



**PEMBANGUNAN AKHLAK DALAM KALANGAN PELAJAR  
INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI AWAM DI MALAYSIA  
MENERUSI PENERAPAN KEMAHIRAN INSANIAH**

**RASHIDI BIN ABBAS**

**JABATAN DAKWAH DAN PEMBANGUNAN INSAN  
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR**

**2013**

## ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk mengkaji pembangunan akhlak dalam kalangan pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam di Malaysia menerusi penerapan kemahiran insaniah. Sampel kajian seramai 480 orang yang terdiri dari pelajar sarjana muda semester enam di bawah Rangkaian Universiti Teknikal Malaysia (MTUN) iaitu Universiti Malaysia Pahang (UMP), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), Universiti Tun Hussein Onn (UTHM) dan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP). Sehubungan dengan itu, pengkaji menggunakan prosedur pensampelan kelompok tiga tingkat. Setelah itu, data kajian telah dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for Social Sciences* (SPSS) versi 19.0 bagi mendapatkan nilai min, sisihan piawai dan Korelasi Pearson. Hasil kajian menunjukkan adanya perhubungan yang sederhana kuat, yang signifikan antara akhlak Islam dengan penguasaan kemahiran komunikasi, etika dan moral profesional, kerja berpasukan, keusahawanan dan pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat. Sementara itu, hubungan pemikiran kritis dan penyelesaian masalah dengan akhlak Islam menunjukkan adanya hubungan yang lemah antara keduanya. Selain itu, hubungan antara akhlak Islam dengan kemahiran kepimpinan menunjukkan wujudnya hubungan yang kuat. Seterusnya, dapatan kajian menunjukkan adanya hubungan yang lemah antara akhlak Islam dengan kaedah pengajaran dan pembelajaran. Sementara itu, tahap penguasaan kemahiran insaniah pelajar, menunjukkan kemahiran etika dan moral profesional, kerja berpasukan, keusahawanan, pemikiran kritis dan penyelesaian masalah, kepimpinan, pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat serta kepimpinan berada di tahap tinggi. Hanya kemahiran komunikasi berada di tahap sederhana. Secara keseluruhannya, kajian ini merumuskan bahawa adanya perkaitan yang signifikan antara pembangunan akhlak Islam dengan penguasaan kemahiran insaniah yang perlu diberi perhatian sewajarnya untuk meningkatkan prestasi universiti dan potensi pelajar.

## ABSTRACT

This study was conducted to find out the akhlak development among students of Higher Learning Institutions in Malaysia through the application of Soft Skills. The samples are the undergraduate students who are in the sixth semester of their studying at the MTUN (Malaysian Technical University Network) consist of the Universiti Malaysia Pahang (UMP), the Technical University of Malaysia Melaka (UTeM), the Universiti Tun Hussein Onn (UTHM) and the Universiti Malaysia Perlis (UniMAP). The number of samples/respondents is 480 people and distributed to the respondents using cluster sampling techniques. Data were analyzed using Statistical Package for Social Sciences (SPSS) version 19.0 for the mean, standard deviation and Pearson Correlation. The result showed that there is a moderate but significant relationship between possessing akhlak with the communication skills ability, professional ethics and moral, teamwork, entrepreneurship and continuous learning and information management. Meanwhile, there is a weak relationship between critical thinking and problem solving with akhlak. However, there is strong relationship between akhlak with leadership skills. Moreover, the findings showed a weak relationship between akhlak with the teaching and learning methodology. However, data shows high ability in terms of mastery of soft skills, ethical and moral skills, teamwork, entrepreneurship, critical thinking and problem solving, leadership, continuous learning and information management. Only communication skills show moderate score. In conclusion, this study shows that there is a significant correlation between akhlak and mastery of soft skills. Proper attention should be given to this realm in order to further enhance the students' potential as well as to improve the performance of university.

## KANDUNGAN

|                          | <b>Halaman</b>                |
|--------------------------|-------------------------------|
| <b>PENGAKUAN</b>         | ii                            |
| <b>ABSTRAK</b>           | iii                           |
| <b>ABSTRACT</b>          | iv                            |
| <b>PENGHARGAAN</b>       | v                             |
| <b>KANDUNGAN</b>         | vi                            |
| <b>SENARAI JADUAL</b>    | xii                           |
| <b>SENARAI SINGKATAN</b> | Xiv                           |
| <b>TRANSLITERASI</b>     | xviii                         |
| <br>                     |                               |
| <b>BAB 1</b>             | <b>PENDAHULUAN</b>            |
| 1.1                      | Pengenalan 1                  |
| 1.2                      | Latar Belakang Kajian 6       |
| 1.3                      | Pernyataan Masalah 10         |
| 1.4                      | Objektif Kajian 14            |
| 1.5                      | Persoalan Kajian 15           |
| 1.6                      | Hipotesis Kajian 15           |
| 1.7                      | Kepentingan Kajian 18         |
| 1.8                      | Definisi Tajuk 22             |
| 1.9                      | Batasan Kajian 24             |
| 1.10                     | Kerangka Konseptual Kajian 27 |
| 1.11                     | Sistematika Kajian 30         |

|               |   |     |
|---------------|---|-----|
| <b>BAB II</b> | <b>SOROTAN KAJIAN</b>   |     |
| 2.1.          | Pengenalan  | 32  |
| 2.2.          | Asas Pembinaan Akhlak dan Pembangunan Insan.  |     |
|               | 2.2.1.Pendidikan Asas Pembinaan Akhlak dan Insan  | 35  |
|               | 2.2.2.Konsep Akhlak dan Pembangunan Nilai-Nilai<br>Insaniah Manusia                           | 44  |
|               | 2.2.3.Amalan Akhlak Islam Dalam Kehidupan Insan   | 52  |
|               | 2.2.4.Model Pendidikan Akhlak Islam   | 67  |
|               | 2.2.4.1.Model Pendidikan Akhlak al-Ghazali  | 67  |
|               | 2.2.4.2.Model Pendidikan Akhlak Miskawayh   | 68  |
|               | 2.2.4.3.Model Pendidikan Akhlak Abul ‘Ala Al-Mududi   | 69  |
|               | 2.2.4.4.Model Pendidikan Akhlak Ibn Hazam   | 71  |
| 2.3           | Pembangunan Akhlak Dalam Elemen Kemahiran Insaniah  | 71  |
|               | 2.3.1.Pembangunan Akhlak Dalam Elemen Kemahiran<br>Komunikasi                                 | 73  |
|               | 2.3.2. Pembangunan Akhlak Dalam Elemen Kemahiran<br>Pemikiran Kritis Dan Penyelesaian Masalah | 78  |
|               | 2.3.3.Pembangunan Akhlak Dalam Elemen<br>Pembelajaran Berterusan Dan Pengurusan<br>Maklumat   | 82  |
|               | 2.3.4.Pembangunan Akhlak Dalam Elemen Etika Dan<br>Moral Profesional                          | 89  |
|               | 2.3.5.Pembangunan Akhlak Dalam Elemen Kemahiran<br>Kepimpinan                                 | 92  |
|               | 2.3.6.Pembangunan Akhlak Dalam Elemen Kerja<br>Berpasukan                                     | 99  |
|               | 2.3.7.Pembangunan Akhlak Dalam Kemahiran<br>Keusahawanan                                      | 105 |
| 2.4           | Kesimpulan  | 111 |

|          |  |     |
|----------|--|-----|
| 2.5      | Pelaksanaan Kemahiran Insaniah Dalam Kalangan Pelajar di Institusi Pengajian Tinggi                      | 115 |
| 2.5.1.   | Pengertian Kemahiran Insaniah  | 115 |
| 2.5.2.   | Elemen Penguasaan Kemahiran Insaniah Yang Perlu Dikuasai Pelajar IPT di Malaysia                         | 119 |
|          | i. Komunikasi  | 119 |
|          | ii. Pemikiran Kritis Dan Kemahiran Menyelesaikan Masalah   | 122 |
|          | iii. Kemahiran Kerja Berpasukan  | 126 |
|          | iv. Pembelajaran Berterusan Dan Pengurusan Maklumat  | 128 |
|          | v. Keusahawanan  | 131 |
|          | vi. Etika Dan Moral Profesional  | 135 |
|          | vii. Kepimpinan  | 142 |
| 2.6.     | Kajian Terdahulu Tentang Akhlak dan Penguasaan Kemahiran Insaniah  |     |
| 2.6.1.   | Kepentingan Penguasaan Kemahiran Insaniah Kepada Pelajar Dalam Memenuhi Keperluan Industri               | 144 |
| 2.6.1.1. | Dalam Negara   | 144 |
| 2.6.1.2. | Luar Negara  | 153 |
| 2.6.2.   | Penjanaan Elemen Kemahiran Insaniah Menerusi Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran                          |     |
| 2.6.2.1. | Dalam Negara   | 155 |
| 2.6.2.2. | Luar Negara  | 160 |
| 2.6.3.   | Strategi Penguasaan dan Pembangunan Kemahiran Insaniah di Kalangan Pelajar di Institusi Pengajian Tinggi |     |
| 2.6.3.1. | Pengenalan   | 161 |

|      |  |     |
|------|--|-----|
|      | 2.6.3.2.Pembangunan Kemahiran Insaniah Universiti<br>Malaysia Perlis (UniMAP)          | 162 |
|      | 2.6.3.3.Pembangunan Kemahiran Insaniah di Universiti<br>Pendidikan Sultan Idris (UPSI) | 164 |
|      | 2.6.3.4.Pembangunan Kemahiran Insaniah di Universiti<br>Malaysia Pahang (UMP).         | 166 |
|      | 2.6.3.5.Pembangunan Kemahiran Insaniah di Universiti<br>Sultan Zainal Abidin (UnisZA)  | 168 |
|      | 2.6.3.6.Pembangunan Kemahiran Insaniah di<br>Universiti Putra Malaysia (UPM)           | 169 |
|      | 2.6.3.7.Pembangunan Kemahiran Insaniah di Universiti<br>Malaysia Kelantan (UMK)        | 170 |
|      | 2.6.3.8.Pembangunan Kemahiran Insaniah di Universiti<br>Sains Malaysia (USM).          | 171 |
|      | 2.6.3.9.Pembangunan Kemahiran Insaniah di Universiti<br>Teknologi Malaysia (UTM).      | 173 |
|      | 2.6.3.10.Pembangunan Kemahiran Insaniah di<br>Universiti Malaya (UM).                  | 174 |
|      | 2.6.3.11.Pembangunan Kemahiran Insaniah di<br>Universiti Teknikal Melaka (UTeM).       | 175 |
| 2.7. | Model-Model Penguasaan Kemahiran Insaniah Dalam<br>Kalangan Pelajar                    |     |
|      | 2.7.1.Dalam Negara   | 176 |
|      | 2.7.2.Luar Negara  | 184 |
| 2.8  | Analisis Kajian-Kajian Terdahulu   | 195 |
| 2.9  | Kesimpulan   | 196 |

|                |                                    |     |
|----------------|------------------------------------|-----|
| <b>BAB III</b> | <b>METODOLOGI</b>                  |     |
| 3.1            | Pendahuluan                        | 198 |
| 3.2            | Reka Bentuk Kajian                 | 198 |
| 3.3            | Lokasi Kajian                      | 199 |
| 3.4            | Populasi Kajian                    | 199 |
| 3.5            | Sampel Kajian                      | 200 |
| 3.6            | Instrumen Kajian                   | 204 |
|                | 3.6.1. Skala dan Tafsiran Skor Min | 206 |
| 3.7            | Kaedah Pengumpulan Data            | 209 |
| 3.8            | Kaedah Analisis Data               | 210 |
| 3.9            | Kesahan Instrumen Soal Selidik     | 211 |
| 3.10           | Kajian Rintis                      | 213 |
| 3.11           | Kerangka Operasi                   | 215 |
| 3.12           | Ujian Normaliti Bagi Taburan Data  | 217 |
| 3.13           | Kesimpulan                         | 223 |
| <br>           |                                    |     |
| <b>BAB IV</b>  | <b>DAPATAN KAJIAN</b>              |     |
| 4.1.           | Pengenalan                         | 224 |
| 4.2            | Profil Sampel Kajian               | 225 |
| 4.3            | Analisis Korelasi                  | 227 |
| 4.4            | Penelitian Pencilan                | 228 |
| 4.5            | Ujian Normaliti dan Data Terpencil | 230 |
| 4.6            | Keputusan Ujian Kebolehpercayaan   | 232 |
| 4.7            | Analisis Data Deskriptif           | 233 |



|              |  |     |
|--------------|--|-----|
| 4.8          | Analisis Persoalan Kajian  |     |
|              | 4.8.1. Apakah tahap penguasaan kemahiran insaniah di kalangan pelajar Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia?              | 234 |
|              | 4.8.2. Apakah terdapat hubungan antara akhlak Islam dengan tahap penguasaan kemahiran insaniah?                            | 243 |
|              | 4.8.2.1. Andaian Ujian Korelasi  | 243 |
|              | 4.8.2.2. Andaian Ujian ANOVA sehalu  | 249 |
|              | 4.8.3. Apakah terdapat hubungan antara akhlak dengan kaedah penyampaian yang diterapkan dalam pengajaran dan pembelajaran? | 251 |
| 4.9          | Kesimpulan   | 252 |
| <b>BAB V</b> | <b>RUMUSAN, PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN IMPLIKASI</b>   |     |
| 5.1.         | Pengenalan   | 254 |
| 5.2.         | Perbincangan Keputusan Kajian  | 254 |
| 5.3.         | Implikasi dan Sumbangan Kajian   | 280 |
| 5.4.         | Cadangan Untuk Kajian Selanjutnya  | 283 |
| 5.5.         | Cadangan dan Tindakan Penambahbaikan   | 285 |
| 5.6.         | Penutup  | 289 |
|              | <b>BIBLIOGRAFI</b>   | 292 |
|              | <b>LAMPIRAN</b>  | 322 |

|   |  |     |
|---|--|-----|
| A | Borang Soal Selidik                      | 322 |
| B | Borang Permohonan Kebenaran Penyelidikan | 332 |
| C | Output Analisis Data (Kajian Rintis)     | 341 |
| D | Output Analisis Data (Kajian Sebenar)    | 358 |
| E | Senarai Penerbitan                       | 367 |

## **SENARAI JADUAL**

### No Jadual/Graf

|      |   |
|------|---|
| 1.1  | Kerangka Kerja Konsep   |
| 2.1  | Skala Penilaian Kemahiran Insaniah  |
| 3.1  | Jadual Penentuan Saiz Sampel Krejcie & Morgan<br>(1970)                           |
| 3.2  | Jumlah Pensampelan Pelajar  |
| 3.3  | Pensampelan Kelompok Tiga Tingkat   |
| 3.4  | Jumlah Item Mengikut Bahagian   |
| 3.5  | Interpretasi Skor Min   |
| 3.6  | Aras Penguasaan Kemahiran Insaniah Dan Nilai Islam<br>Dalam Amalan Kerja          |
| 3.7  | Aras Penggunaan Kaedah Penyampaian Bagi Item Soal<br>Selidik Bahagian D           |
| 3.8. | Pekali Saiz Cronbach's Alpha  |
| 3.9  | Kaedah Analisis   |
| 3.10 | Senarai Pakar Rujuk Instrumen   |
| 3.11 | Keputusan Ujian Kebolehpercayaan  |
| 3.12 | Kerangka Operasi  |
| 3.13 | Ujian Taburan Data  |
| 3.14 | Ujian Normaliti data Kemahiran Komunikasi   |
| 3.15 | Ujian Normaliti data Kemahiran Kerja Berpasukan                                   |
| 3.16 | Ujian Normaliti data Kemahiran Pembelajaran<br>Berterusan dan Pengurusan Maklumat |

- 3.17 Ujian Normaliti data Kemahiran Kepimpinan
- 3.18 Ujian Normaliti data Kemahiran Pemikiran Kritis dan Kemahiran Menyelesaikan Masalah
- 3.19 Ujian Normaliti data Kemahiran Keusahawanan
- 3.20 Ujian Normaliti data Kemahiran Etika dan Moral Profesional
- 3.21 Ujian Normaliti data Akhlak Asasiah Insaniah
- 3.22 Ujian Normaliti data Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran
- 4.1 Profil Responden
- 4.2 Profil Responden Penelitian Pencilan
- 4.3 Nilai Ekstrem nilai-nilai Islam
- 4.4 Nilai Ekstrem Kaedah P&P
- 4.5 Keputusan ujian kebolehpercayaan
- 4.6 Data deskriptif
- 4.7 Statistik deskriptif bagi kemahiran komunikasi
- 4.8 Statistik deskriptif bagi etika dan moral profesional
- 4.9 Statistik deskriptif bagi kemahiran kerja berpasukan
- 4.10 Statistik deskriptif bagi kemahiran pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat.
- 4.11 Statistik deskriptif bagi kemahiran kepimpinan
- 4.12 Statistik deskriptif bagi pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah
- 4.13 Statistik deskriptif bagi kemahiran keusahawanan
- 4.14 Hubungan antara penguasaan akhlak dengan kemahiran komunikasi
- 4.15 Hubungan antara penguasaan akhlak dengan etika dan moral profesional
- 4.16 Hubungan antara penguasaan akhlak dengan kerja berpasukan
- 4.17 Hubungan antara penguasaan akhlak dengan kemahiran pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat

- 4.18 Hubungan antara penguasaan akhlak dengan kemahiran kepimpinan
- 4.19 Hubungan antara penguasaan akhlak dengan kemahiran pemikiran kritis dan penyelesaian masalah
- 4.20 Hubungan antara penguasaan akhlak dengan kemahiran keusahawanan
- 4.21 Ujian Levene
- 4.22 Hubungan antara nilai akhlak Islam dengan kaedah penyampaian dalam pengajaran dan pembelajaran
- 4.23 Rumusan dapatan persoalan pertama
- 4.24 Rumusan dapatan persoalan kedua
- 4.25 Rumusan dapatan persoalan ketiga

#### **SENARAI SINGKATAN**

|        |   |
|--------|---|
| KPT    | Kementerian Pengajian Tinggi                  |
| FPN    | Falsafah Pendidikan Negara                    |
| JERI   | Jasmani, Emosi, Rohani, Intelek               |
| KI     | Kemahiran Insaniah                            |
| IPTA   | Institut Pengajian Tinggi Awam                |
| IPTS   | Institut Pengajian Tinggi Swasta              |
| JPT    | Jabatan Pengajian Tinggi                      |
| YB     | Yang Berhormat                                |
| KIM    | Kemahiran Insaniah Mesti                      |
| QA     | <i>Quality Assurance</i>                      |
| ISO    | <i>International Standard Organization</i>    |
| TQM    | <i>Total Quality Management</i>               |
| GSA    | <i>Generic Student Attributes</i>             |
| UTeM   | Universiti Teknikal Malaysia Melaka           |
| UniMAP | Universiti Malaysia Perlis                    |
| UTHM   | Universiti Tun Hussein Onn Malaysia           |
| MTUN   | <i>Malaysian Technical University Network</i> |

|           |   |
|-----------|---|
| JHEPA     | Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni                            |
| UMP       | Universiti Malaysia Pahang                                      |
| Ha        | Hipotesis Alternatif  |
| Ho        | Hipotesis Nul   |
| OBE       | <i>Outcome- Based Education</i>                                 |
| KIT       | Kemahiran Insaniah Tambahan                                     |
| JPA       | Jabatan Perkhidmatan Awam                                       |
| KKM       | Kerangka Kelayakan Malaysia                                     |
| UPM       | Universiti Putra Malaysia                                       |
| UTM       | Universiti Teknologi Malaysia                                   |
| NCVER     | <i>National Centre of Vocational Education Research</i>         |
| CS        | <i>Communication Skills</i>                                     |
| I.Q       | <i>Intelligence Quotient</i>                                    |
| ACCI      | <i>Australian Chamber Of Commerce And Industry</i>              |
| SCANS     | <i>The Secretary's Commission On Achieving Necessary Skills</i> |
| TS        | <i>Teamwork Skills</i>  |
| KMK       | Kumpulan Meningkatkan Mutu Kerja                                |
| E.Q       | <i>Emotional Quotient</i>                                       |
| CTPS      | <i>Critical Thinking and Problem Solving</i>                    |
| PUSPANITA | Persatuan Suri dan Anggota Perkhidmatan Awam                    |
| LL        | Lifelong Learning   |
| DEB       | Dasar Ekonomi Baru  |
| DPN       | Dasar Pembangunan Negara  |
| RMK       | Rancangan Malaysia Ke   |
| YAB       | Yang Amat Behormat  |
| LS        | Leadership Skills   |
| SWT       | Subhanahuwa Ta'ala  |
| DWN       | Dasar Wawasan Negara  |
| SAW       | Sallawallahu Alaihi Wasalam                                     |
| RA        | Radiallahu 'Anhu  |
| PIPP      | Pelan Induk Pembangunan Pendidikan                              |
| LO        | Learning Outcome  |
| AOL       | <i>Action Oriented Learning</i>                                 |

|             |   |
|-------------|---|
| PBL         | Problem Based Learning                                    |
| TITAS       | Tamadun Islam dan Tamadun Asia                            |
| PO          | Program Outcome   |
| PTJ         | Pusat Tanggungjawab                                       |
| RPS         | Rakan Pendamping Siswa                                    |
| UPSI        | Universiti Pendidikan Sultan Idris                        |
| <i>ELSP</i> | <i>English Language Support Program</i>                   |
| IMS         | Integrated management System                              |
| UDM         | Universiti Darul Iman Malaysia                            |
| ID          | <i>Instructional Design</i>                               |
| PoPBL       | <i>Problem Oriented Project Based Learning</i>            |
| SoTL        | <i>Scholarship of Teaching and Learning</i>               |
| PoEIT       | <i>Pedagogy of Engagement Integrating Technology</i>      |
| PBPI        | Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan                        |
| KKM         | Kerangka Kelayakan Malaysia                               |
| PSPTN       | Pelan Strategi Pengajian Tinggi Negara                    |
| FKAAS       | Fakulti Kejuruteraan Awam & Alam Sekitar                  |
| FIST        | Fakulti Sains & Teknologi Industri                        |
| FKP         | Fakulti Kejuruteraan Pembuatan                            |
| FKEE        | Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektrik                  |
| FKMP        | Fakulti Kejuruteraan Mekanikal & Pembuatan                |
| FPTP        | Fakulti Pengurusan Teknologi, Perniagaan dan Keusahawanan |
| FPTV        | Fakulti Pendidikan Teknologi dan Vokasional               |
| FSKTM       | Fakulti Sains Komputer & Teknologi Maklumat               |
| FSTPi       | Fakulti Pembangunan Sains, Teknologi & Manusia            |
| FKM         | Fakulti Kejuruteraan Mekanikal                            |
| FKKSA       | Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli                  |
| FKASA       | Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam                   |
| FKEE        | Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik                |
| FSKKP       | Fakulti Sains Komputer & Kejuruteraan Perisian            |
| FTech       | Fakulti Teknologi   |
| FKP         | Fakulti Kejuruteraan Pembuatan                            |
| FKEKK       | Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Kejuruteraan Komputer   |

|      |  |
|------|--|
| FKE  | Fakulti Kejuruteraan Elektrik                  |
| FKM  | Fakulti Kejuruteraan Mekanikal                 |
| FTMK | Fakulti Teknologi Maklumat & komunikasi        |
| FTK  | Fakulti Teknologi Kejuruteraan                 |
| PBPI | Pusat Bahasa & Pembangunan Insan               |
| SPSS | <i>Statistical Package For Social Sciences</i> |
| STPM | Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia                |
| STAM | Sijil Tinggi Agama Malaysia                    |

## PANDUAN TRANSLITERASI

### Konsonan

| Arab | Roman |
|------|-------|
| ا, ء | a, 'a |
| ب    | B     |
| ت    | T     |
| ث    | Th    |
| ج    | J     |
| ح    | H     |
| خ    | Kh    |
| د    | D     |
| ذ    | Dh    |
| ر    | R     |

|   |    |
|---|----|
| ز | Z  |
| س | S  |
| ش | Sh |
| ص | S  |
| ض | D  |
| ط | T  |
| ظ | Z  |
| ع | '  |
| غ | Gh |
| ف | F  |

|   |     |
|---|-----|
| ق | Q   |
| ك | K   |
| ل | L   |
| م | M   |
| ن | N   |
| ه | H   |
| و | w   |
| ي | y   |
| ة | h,t |



### Vokal

| Vokal Pendek | Transliterasi |
|--------------|---------------|
| ا /<br>----- | a             |
| -----<br>ي / | i             |
| و<br>-----   | u             |

| Vokal Panjang | Transliterasi |
|---------------|---------------|
| ا , ي         | ā             |
| ي             | ī             |
| و             | ū             |

### Diftong

| Diftong             | Transliterasi |
|---------------------|---------------|
| ا و /<br>و -----    | aw            |
| ا ي /<br>ي -----    | ay            |
| ا و<br>و -----      | uww           |
| ا ي<br>ي -----<br>/ | iy,ī          |

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 PENGENALAN

Pembangunan, kemajuan dan ketahanan negara Malaysia bergantung sepenuhnya kepada dua sumber utama, iaitu sumber modal insan dan sumber fizikal. Kedua-dua sumber ini saling bergantung di antara satu sama lain dalam membangunkan institusi. Namun demikian, konsep modal insan berkait rapat dengan pendidikan kerana pendidikan menyumbang kepada pembentukan modal manusia.<sup>1</sup> Justeru itu, modal insan lebih penting dan perlu diberi lebih perhatian kerana ia merujuk kepada manusia yang dilihat sebagai harta negara, sumber tenaga atau kekayaan negara.<sup>2</sup> Ini kerana modal insan jugalah yang bakal menjana, mengeksploitasi dan mengurus sumber-sumber fizikal untuk kebaikan negara Malaysia. Dengan lain perkataan, modal insanlah yang mencipta, menentukan,<sup>3</sup> dan menjayakan strategi terbaik untuk menghasilkan nilai tambah produk atau perkhidmatan, meningkatkan kualiti dan kuantiti, memasarkan dan seterusnya menilai keberkesannya. Ini bermakna modal insan adalah penentu kejayaan atau kegagalan negara. Oleh itu, modal insan perlu diiktiraf sebagai aset yang paling penting, paling istimewa dan paling bernilai kepada kegiatan ekonomi, pembangunan negara dan kemajuan bangsa. Modal insan perlu diterima sebagai aset

---

<sup>1</sup>Ahmad Mohamad Said, "Pembangunan Modal Insan: Konsep, Perkembangan, Cabaran dan Implikasi," dalam *Pembangunan Insan Aspirasi dan Realiti*, ed. Ahmad Mohamad Said et al. (Selangor: Dar al-Hikmah, 2007), 2.

<sup>2</sup>Khalijah Mohd Salleh, "Pemikiran Dalam Pembangunan Modal Insan," dalam *Menjana Modal Insan*, ed. Jawiah Dakir et al. (Bangi: UKM, 2011), 36.

<sup>3</sup>Che Su Mustaffa et al., *Kepelbagaian Isu Dalam Pentadbiran Dan Pembangunan Di Malaysia* (Kedah: Universiti Utara Malaysia, 2006), 1.

yang perlu di bangun dan dipertingkatkan sepanjang masa.<sup>4</sup>Dalam konteks Islam, manusia mempunyai dua peranan yakni sebagai hamba dan khalifah Allāh SWT. Untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab tersebut, berfikir adalah suatu keperluan dan ia hendaklah dilakukan secara berterusan<sup>5</sup>untuk membangunkan potensi modal insan yang cemerlang. Justeru itu, YAB Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi telah menyatakan dalam ucapannya iaitu;

Rakyat adalah aset negara paling berharga. Pembangunan modal insan, anjakan minda dan pemikiran warga merupakan salah satu cabaran terbesar. Sekiranya kita ingin melangkah ke era ekonomi berpaksikan pengetahuan, jika kita mahu menjadi negara maju dan kekal pada tahap tersebut, pembangunan modal insan harus diutamakan. Dalam konteks dunia global, modal insan bermutu tinggi adalah satu keperluan, bukan lagi satu kemewahan. Usaha membangunkan modal insan berkualiti akan digiatkan. Pendekatan kepada modal insan haruslah secara holistik, menekankan pembangunan ilmu pengetahuan, kemahiran, modal intelektual termasuk sains, teknologi dan keusahawanan, dan juga pembudayaan sikap progresif serta nilai etika dan moral yang tinggi. Inilah yang dikatakan modal insan yang mempunyai minda kelas pertama. Tiga strategi utama untuk melahirkan modal insan kelas pertama akan dilaksanakan:

- Pertama, meningkatkan keupayaan dan penguasaan ilmu pengetahuan
- Kedua, memperkukuh keupayaan sains, R&D dan inovasi
- Ketiga, memupuk masyarakat berbudaya dan memiliki kekuatan moral.<sup>6</sup>

Sehubungan dengan itu, pada tahun 2006, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) mula memberi tumpuan kepada pembangunan modal insan berkualiti tinggi dan bersahsiah murni, selaras dengan Falsafah Pendidikan Negara (FPN). Tumpuan ini bersandar kepada matlamat teras iaitu untuk menghasilkan insan seimbang dan holistik dalam konteks jasmani, emosi, rohani dan intelek (JERI). Aspek keseimbangan dalam diri pelajar tidak berfokus kepada kecemerlangan akademik semata-mata, malah pembangunan sahsiah dan moral juga dititikberatkan. Dalam usaha membangunkan modal insan berkualiti, kita bukan sahaja memberi ilmu pengetahuan tetapi juga

<sup>4</sup>Ab Aziz Yusof, *Pembangunan Modal Insan Teras Pendidikan Negara* (Sintok: Universiti Utara Malaysia, 2009), 1.

<sup>5</sup>Khalijah Mohd Salleh, "Pemikiran Dalam Pembangunan Modal Insan," dalam *Menjana Modal Insan*, ed. Jawiah Dakir et al. (Bangi: UKM, 2011), 36.

<sup>6</sup>YAB Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi, "Pembentangan Rancangan Malaysia Ke-9 (RMK9) di Parlimen"(31 Mac 2006).

menumpukan kepada pembangunan moral,<sup>7</sup> kerana pembangunan modal insan negara berada dalam status pincang dan perlu diperhalusi semula.<sup>8</sup> Justeru itu, KPT telah menghasilkan Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah untuk semua institusi pengajian tinggi di Malaysia. Objektif utama penghasilan modul ini untuk menerapkan kemahiran insaniah (KI) dalam kalangan graduan. Tujuh elemen diinterpretasikan dan diterapkan untuk memastikan keseimbangan graduan dalam menghadapi arus pembangunan negara, seperti kemahiran berkomunikasi, pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran kerja berpasukan, pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat, kemahiran keusahawanan, etika dan moral profesional dan kemahiran kepimpinan.<sup>9</sup>

Kemahiran insaniah adalah antara elemen yang dikenal pasti amat kritikal dalam dunia pekerjaan yang bersifat global, apatah lagi dengan perubahan teknologi yang begitu pantas.<sup>10</sup> Sehingga wujudnya persaingan yang begitu tinggi dan cukup ketara dalam konteks pekerjaan. Segulung ijazah tidak menjamin graduan akan memperoleh pekerjaan setimpal dengan kelayakan yang dimiliki. Banyak elemen atau kriteria lain dinilai majikan. Antara elemen yang menjadi perhatian utama majikan ialah kemahiran berkomunikasi, kemahiran kerja berpasukan, pemikiran kritis, mempunyai nilai positif, mampu menyelesaikan masalah, berusaha untuk mempelajari sesuatu yang baharu dan lain-lain lagi yang lebih berfokus kepada kemahiran insaniah. Jabatan Pengajian Tinggi (JPT) juga telah memberikan seratus peratus usaha dan komitmennya dalam memastikan kualiti graduan negara setimpal dengan permintaan pasaran tempatan dan

---

<sup>7</sup>Himpunan Ungkapan Bestari Tun Abdullah Ahmad Badawi, "Majlis Dialog Dengan Pelajar IPTA/IPTS, Kelab Penyayang" (Bangi 30.7.2006).

<sup>8</sup>Haryati Shafii, Sharifah Meryam dan Zakila Abd Rahman, "Pembangunan Modal Insan Ke Arah Meningkatkan Kualiti Hidup Masyarakat" dalam *Isu-isu Kualiti Hidup Masyarakat di Bandar*, ed. Haryati Shafii (Parit Raja: UTHM, 2011), 112.

<sup>9</sup>*Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah (SOFT SKILLS) Untuk Institusi Pengajian Tinggi Malaysia* (Serdang: Universiti Putra Malaysia, 2006), 8.

<sup>10</sup>*Ibid.*

antarabangsa serta melestarikan pembangunan modal insan. Antara kaedah pengukuhan yang diaplikasikan ialah dengan memastikan graduan memenuhi standard minima 7 *Generic Student Attributes* (GSA).<sup>11</sup> Inilah yang diharapkan oleh Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Dato' Seri Najib Tun Razak sebagai pemimpin tertinggi negara. Personaliti unggul yang perlu ada pada bangsa Melayu ialah berhemah tinggi, berbudi, berjaya dalam pengajian dan bidang pekerjaan yang diceburi. Siswazah Melayu yang global pula akan dapat menjadi anak watan yang cekap, mahir, berkebolehan dan efisien sewaktu melaksanakan setiap kerja.<sup>12</sup>

Oleh kerana itu, setiap IPTA perlu memantapkan dasar kualiti IPT masing-masing dengan menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Tertinggi Kualiti iaitu Jawatankuasa TQM yang keahliannya terdiri daripada Pengurusan Tertinggi Universiti. Fungsi utama Jawatankuasa ini adalah untuk memberi panduan dan merancang pelaksanaan aktiviti kualiti kepada semua warga IPTA melalui program ISO, QA dan lain-lain.<sup>13</sup> Kombinasi antara keupayaan akademik serta pengetahuan pelajar yang dihasilkan oleh universiti penting untuk membangunkan ekonomi, sosial serta pendidikan dalam sesebuah negara. Bagi menghasilkan produk yang berkualiti, universiti perlu menjadi tempat yang benar-benar berkualiti dalam semua aspek. Kerajaan sentiasa memberikan perhatian serius terhadap usaha peningkatan perkhidmatan berkualiti. Perkhidmatan awam, swasta dan sosial yang berkualiti secara langsung akan dapat menambahkan lagi pendapatan negara, produktiviti dan memuaskan kehendak-kehendak pelanggan.<sup>14</sup>

---

<sup>11</sup>Jabatan Pengajian Tinggi Laporan Tahunan, (Putrajaya: Kementerian Pengajian Tinggi, 2009), 11.

<sup>12</sup>Tajul Ariffin Nordin et al., *Membina Pelajar Cemerlang Evolusi Pembelajaran Sepanjang Hayat* (Skudai: UTM, 2007), 23.

<sup>13</sup>*Ibid.*, 4.

<sup>14</sup>Chek Mat, *Pengurusan Berkualiti Dalam Perkhidmatan* (Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors, 1996), 30.

Selain daripada itu, untuk memastikan negara Malaysia mempunyai daya saing yang tinggi pada peringkat antarabangsa, kerajaan telah melakukan Pelan Induk Transformasi Pengajian Tinggi Negara yang berteraskan kepada pembangunan kurikulum IPT. Transformasi ini sangat diperlukan sebagai mempersiapkan iklim dan persekitaran sesuai,<sup>15</sup> memandangkan keperluan-keperluan pihak industri khususnya berubah-ubah mengikut perkembangan semasa dan menjadi semakin mendesak. Penyemakan kurikulum universiti perlu dilakukan tanpa mengetepikan fungsi universiti yang sedia ada, iaitu sebagai penjana dan penyebar ilmu pengetahuan serta inovasi ilmu pengetahuan (*knowledge innovation*) yang menjadi amanah sesebuah universiti.<sup>16</sup> Selaras dengan perkembangan ini, pencapaian pendidikan berteraskan hasil (*Outcome-Based Education-OBE*) iaitu pelajar perlu menunjukkan apa yang beliau boleh lakukan pada akhir sesuatu program, kursus atau pelajaran. Pendekatan pendidikan ini yang bertunjangkan kepada pembelajaran berpusatkan pelajar memberi tumpuan kepada pengukuran dan penilaian secara empirikal yang dikenali sebagai hasil. Tidak seperti pendekatan tradisional yang menghendaki pelajar menunjukkan bahawa mereka telah belajar kandungan dan kemahiran yang diperlukan dalam sesuatu program, kursus dan pelajaran. Pendekatan berpusatkan hasil menuntut pelajar menguasai hasil piawai yang dituntut oleh sesuatu program pengajian dan mengintegrasikan pembangunan insan di dalam kurikulum.<sup>17</sup>

Di mana pengajaran berpusatkan pelajar dititikberatkan menerusi program pengajian berteraskan hasil (*Outcome based education-OBE*) memastikan pelajar menguasai piawaian hasil yang dinyatakan sebelum mereka bergraduat dan pendidikan

---

<sup>15</sup>Zaini Ujang, *Mengangkasa Pengajian Tinggi* (Johor Baharu: Universiti Teknologi Malaysia, 2009), 83.

<sup>16</sup>Dzulkifli Abdul Razak, *Revolusi Pendidikan Merekayasa Sebuah Universiti* (Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia, 2005), 42.

<sup>17</sup>*Kompilasi Ucaptama Tahunan Rektor*, (Perlis: Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM), 2006), 7.

yang diberi diharapkan dapat melahirkan graduan yang menjadi warga negara berintegriti tinggi.<sup>18</sup> Ringkasnya, dalam konteks pembangunan modal insan, penjana ilmu, kemahiran, keterampilan, beriman, bertakwa, berakhlak dan memiliki keutuhan peribadi atau berintegriti<sup>19</sup> merupakan aspek penting yang tidak dapat diabaikan oleh negara. Di samping itu, tenaga mahir manusia perlu dilengkapi dengan jati diri tinggi yang penuh dengan sifat-sifat jujur, amanah, berwawasan demi mengutamakan kualiti pekerjaan.<sup>20</sup>

## 1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Industri pada masa kini memerlukan pekerja yang berkebolehan dalam menangani masalah yang kompleks dan berpengetahuan (*k-worker*) yang mampu berdepan dengan tuntutan baharu dalam bidang ekonomi, sosial dan politik di tempat kerja. Pekerja berpengetahuan (*k-worker*) adalah gabungan pengetahuan yang dipelajari dan kemahiran dalam sesuatu bidang untuk menyelesaikan masalah atau membuat strategi dalam sesebuah organisasi.<sup>21</sup> Di samping itu, dengan pendidikan dan pengetahuan akan menjadikan modal manusia lebih berbudi bahasa, pandai dan elok kelakuannya.<sup>22</sup>

Justeru itu, kerajaan Malaysia telah berusaha membangunkan modal insan yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran serta menghayati nilai-nilai murni. Matlamat kerajaan Malaysia adalah untuk memupuk semangat menguasai ilmu pengetahuan, kemahiran dan kompetensi, menerapkan nilai, moral dan sikap positif serta membina

---

<sup>18</sup> Mohd Zulkifli Mohd Ghazali, *Mendepani Cabaran Ke Arah Universiti Bertaraf Dunia* (Johor Baharu: UTM Skudai, 2007), 110.

<sup>19</sup> Ahmad Mohamad Said, "Pembangunan Modal Insan: Konsep, Perkembangan, Cabaran dan Implikasi," dalam *Pembangunan Insan Aspirasi dan Realiti*, ed. Ahmad Mohamad Said et al. (Selangor: Dar al-Hikmah, 2007), 16.

<sup>20</sup> Himpunan Ungkapan Bestari Tun Abdullah Ahmad Badawi, "Perutusan Hari Pekerja 2008" (Putrajaya 30.4.2008).

<sup>21</sup> Noor Hanisah Abdullah, "Penguasaan Kemahiran Insaniah Dalam Membangunkan Modal Insan Melalui Aktiviti Kokurikulum di UTHM" (Tesis Sarjana Pendidikan & Vokasional, UTHM, 2007), 7.

<sup>22</sup> Himpunan Ungkapan Bestari Tun Abdullah Ahmad Badawi, "Majlis Khidmat Komuniti, Kelab Ahli Parlimen Barisan Nasional" (Kota Kinabalu 7.3.2005).

disiplin diri di kalangan pelajar.<sup>23</sup> Dengan kata lain, semakin bertambah pendidikan atau ilmu pengetahuan bagi diri individu, maka semakin bertambah nilai atau jumlah modal insan pada dirinya.<sup>24</sup> Dalam pendekatan untuk membentuk dan melahirkan pelajar dan manusia yang berwibawa, aspek perubahan dan pembangunan insan membawa kepada ketamadunan hendaklah berlandaskan sistem nilai yang baik dan bermanfaat.<sup>25</sup> Bagi menzahirkan matlamat tersebut, cabaran utama ialah menyemai nilai-nilai yang akan menghasilkan perwatakan pelajar yang unggul, kerana pelajar ini akan mewarisi kepimpinan akan datang. Menyedari bahawa perancangan untuk melahirkan generasi dengan sifat keunggulan adalah menjadi tanggungjawab yang berat, usaha ini harus dilakukan secara berterusan dengan penggemblengan tenaga dan komitmen jitu daripada semua pihak terutamanya institusi pendidikan yang mendidik pelajar secara formal. Pelajar merupakan aset penting untuk pembangunan negara pada masa hadapan. Kepimpinan yang berintegriti merupakan tunggak kepada kestabilan negara. Unsur-unsur beretika, berintegriti dan bertanggungjawab ini dapat diterapkan melalui penganjuran program-program yang berkaitan dengan usaha untuk meningkatkan pengetahuan, kefahaman dan kesedaran.<sup>26</sup> Kesedaran dan penghayatan perubahan berkualiti serta keperibadian yang unggul ini perlu bermula di institusi pendidikan, kumpulan pemikir dan ahli akademik telah melakukan inisiatif ke arah mereformasi pendidikan di Malaysia secara menyeluruh dan bersistematik seperti penggubalan Falsafah Pendidikan Negara serta lima akta baru yang berkaitan dengan pendidikan tinggi termasuklah Akta Pendidikan 1996, yang menjadi teras bagi setiap usaha

---

<sup>23</sup>Nur Aqielah Umairah, *Siri Bimbingan Jati Diri Remaja Insan Kelas Pertama* (Selangor: Mostgain Resources Publications, 2009), 9.

<sup>24</sup>Ahmad Mohamad Said, "Pembangunan Modal Insan: Konsep, Perkembangan, Cabaran dan Implikasi," dalam *Pembangunan Insan Aspirasi dan Realiti*, ed. Ahmad Mohamad Said et al. (Selangor: Dar al-Hikmah, 2007), 2.

<sup>25</sup>Titah Ucapan D.Y.M.M. Tuanku Permaisuri Raja Perlis, "Di Majlis Pelancaran PALAPES, PBSMM dan PBK Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia" (3 Mac 2005).

<sup>26</sup>Mohamad Hashim Hj Omar, "Strategi Memantapkan Pembangunan Pelajar," dalam *Pelan Integriti Nasional Strategi Pelaksanaan Peringkat Institusi Pengajian Tinggi*, ed. Mohd Zahedi Daud (Shah Alam: Universiti Teknologi Mara, 2005), 87.